

# Realisasikan Universiti Sukan Malaysia lonjak prestasi negara

**Susah** sangatkah wujudkan universiti sukan? Persoalan itu sepatutnya sudah ada jawapan tepat dan bukan seolah-olah baru hendak dibincangkan atau pendapat umum. Bahkan sepatutnya, kertas kerja mengenainya hanya menunggu masa untuk dibentang dan diusulkan kepada Kabinet.

Terima kasih kepada sebuah akhbar harian yang menyiarakan artikel ‘Bukan mudah wujudkan Universiti Sukan.’ Bagaimanapun, ada dua kekecewaan berbangkit daripada tulisan itu.

Pertama, sepatutnya persoalan itu dikemukakan kepada pakar akademik sukan yang ramai di institusi pengajian tinggi di negara ini. Biarkan mereka bercakap secara jujur mengenai keperluan atau meluahkan apakah sudah sampai masanya untuk menujuhkan Universiti Sukan Malaysia?

Sebenarnya, ketika saya masih berkhidmat dengan media kewartawanan sukan pada 1990-an dulu, sudah ada usul dibawa hasil Konvensyen Sukan Kebangsaan yang mencadangkan penubuhan universiti sukan. Malangnya, ia tidak menjadi kenyataan walaupun ada jawatkuasa membincangkan cadangan itu.

Ini mungkin terlalu banyak kebimbangan kerana sudah wujud banyak program akademik sukan di pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT), persoalan staf dan tenaga akademik sukan yang begitu ramai. Akhirnya, usul universiti sukan senyap begitu sahaja sama ada ditangguh atau dibatalkan.

Pada 2009 pula, Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (DPSIPT) dilancarkan dengan bersandarkan tujuh teras utama membabitkan pembudayaan, pembangunan infrastruktur dan pusat kecemerlangan sukan (PKS), skim kecemerlangan/kebijakan insentif serta penyelidikan sukan (SKIPS), pembangunan akademik atlet dan pengajaran sukan, promosi dan jaringan kerja.

Ia bermatlamat menjadikan IPT sebagai pemangkin kecemerlangan sukan negara dan mewujudkan budaya bersukan di IPT, selain meletakkan misi melahirkan golongan *The Thinking Athlete* dengan sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara daripada IPT.

Kemunculan DPSIPT 2009 sebenarnya ialah tindakan penyelesaian daripada usul penubuhan universiti sukan itu, sekaligus menutup kebimbangan dengan munculnya dasar ini seakan-akan memberi hala tuju baharu kepada semua IPT dalam konteks pembangunan sukan.

Kekecewaan kedua apabila membaca kenyataan bahawa pandangan universiti sukan bukan satu cadangan baik kerana dilihat tidak relevan ketika ini. Kenyataan itu sangat tidak positif dan tidak bersandarkan pemikiran masa depan.

Alasan seperti kos tinggi membina

universiti, atlet tidak ramai, sudah wujud banyak universiti dan kursus berkaitan sukan, hubungan pelajar terbatas dan kebimbangan peluang pekerjaan, sebenarnya tidak disokong dengan fakta positif terhadap graduan sukan, apalah lagi jika membabitkan atlet negara.

Beberapa program sukan di IPT di negara ini menunjukkan peratusan kebolehpasaran graduan agak tinggi melebihi 80 peratus untuk program sukan seperti di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dalam perkembangan sama, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal dilaporkan bersedia meneliti penubuhan Universiti Sukan Malaysia.

Namun, ada yang mengatakan Malaysia sudah mempunyai Institusi Latihan dan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dengan program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang menyokong industri sukan seperti terapi sukan dan sukan pemotoran serta Institut Sukan Negara (ISN) sebagai bukti kemampuan negara dalam bidang pendidikan.

Mengaitkan bukti terbabit dengan persoalan mengenai apa yang dimiliki Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah tidak tepat kerana perannya berbeza dengan matlamat penubuhan universiti sukan.

Apatah lagi bekas Menteri Belia dan Sukan pada 2016 menyatakan KBS mengusulkan penubuhan universiti sukan pertama negara dan akan dibawa kepada kelulusan Jemaah Menteri. Mungkin kertas kerjanya tidak sempat disediakan.

Justeru, elok kiranya KBS duduk berbincang semeja dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mempu-

**Elok sekiranya KBS duduk berbincang semeja dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mempunyai ramai pakar akademik sukan yang mungkin boleh memberikan maklum balas lebih tepat dengan cadangan penubuhan Universiti Sukan Malaysia ini.**

nyai ramai pakar akademik sukan yang boleh memberikan maklum balas lebih tepat terhadap cadangan penubuhan Universiti Sukan Malaysia ini.

Universiti sukan memberikan nilai tambah kepada program sukan di IPT, selain penghormatan tertinggi kepada pentadbir terbaik dari pusat sukan IPT, manakala pakar akademik sukan terbaik dalam kalangan tenaga akademik di universiti boleh dipilih dan ditempatkan di sini.

Pada masa sama, Universiti Sukan Malaysia akan menjadi hala tuju baharu kepada ahli sukan negara untuk menyambung pengajian.

Pelbagai kaedah penubuhan universiti sukan boleh dilakukan tanpa membabitkan perbelanjaan terlalu besar meruji kaedah naik taraf mana-mana IPT atau kolej. Perbelanjaan mungkin sedikit tinggi menyiapkan infrastruktur yang tiada, manakala program pengajaran ditawarkan perlu dihadkan dengan menumpukan kursus dan subjek mem-

punya kebolehpasaran tinggi.

Dalam konteks antarabangsa, China mempunyai lebih kurang sembilan universiti sukan yang kebanyakannya dinilai taraf daripada institut pendidikan fizikal dan menawarkan program seperti Pendidikan Fizikal, Kejurulatihan Sukan, Kewartawanan Sukan, Pengurusan Sukan, Komunikasi Sukan dan Kewartawanan serta Bahasa Antarabangsa.

Antara paling popular ialah Universiti Sukan Beijing, iaitu universiti awam (UA) yang melahirkan 70 pemenang pingat emas Sukan Olimpik sejak ditubuhkan pada 1993 dan 30 pingat emas dalam empat Sukan Olimpik terakhir.

Diikuti Universiti Sukan Shenyang melahirkan 84 pemenang pingat emas Sukan Olimpik, selain Universiti Sukan Wuhan, Universiti Sukan Tianjin, Universiti Sukan Guangzhou, Universiti Sukan Shanghai dan Universiti Sukan Harbin.

Korea Selatan turut mempunyai Universiti Sukan Kebangsaan Korea (KNSU) yang ditubuhkan pada 1973 dengan memberikan tumpuan melahirkan atlet cemerlang dan pengkhususan dalam bidang kejurulatihan sukan. KNSU juga melahirkan beberapa pemenang pingat emas kejohanan dunia, Sukan Olimpik Musim Sejuk dan pemenang pingat emas acara lawan pedang, iaitu Park Sanyoung di Sukan Olimpik Rio 2016.

Justeru, sebagai orang terbabit dalam bidang akademik mengenai pengurusan media dan sukan, saya percaya sudah sampai waktunya kita mewujudkan Universiti Sukan Malaysia ini yang akan menjadi penanda aras baharu dalam kalangan warga sukan di IPT dan hala tuju baharu lonjakan prestasi sukan negara pada masa akan datang.

**Penulis adalah Ketua Unit Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi**

